# BAB 6 Ancaman Komunis dan Perisytiharan Darurat

GERAK KERJA 16 Tarikh: Masa:

### Kemasukan Pengaruh Komunis di Negara Kita

1 Antara berikut, yang manakah merupakan negara yang menyebarkan fahaman komunis? BUKU TEKS 146
I China
II Indonesia
III Malaysia
IV Filipina
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

2 Apakah parti yang menggantikan Comintern? BUKU TEKS 146
A Parti Komunis Nanyang
B Parti Komunis Malaya
C Parti Kuomintang
D Parti Komunis China

3 Karya berikut mempunyai ideologi komunisme. BUKU TEKS 146

- *Communist Manifesto*
- *Das Kapital*

Siapakah penulis karya tersebut?
I Karl Marx
II Friedrich Engels
III Sir Henry Gurney
IV Sir Gerald Templer
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

### Ancaman Komunis di Negara Kita

4 Apakah yang berlaku ekoran kejadian berikut? BUKU TEKS 148

Komunis membunuh Arthur Walker dan pembantunya Ian Cristian.

A Komunis menyerah kalah
B British menyerah kalah
C Peristiwa darurat
D Parti Komunis Malaya ditubuhkan

5 Gambar berikut menunjukkan tindakan komunis. BUKU TEKS 148



Mengapakah komunis bertindak demikian?
A Melumpuhkan hubungan perjalanan di Tanah Melayu
B Melumpuhkan pergerakan British di Tanah Melayu
C Melumpuhkan sistem politik di Tanah Melayu
D Melumpuhkan ekonomi British di Tanah Melayu

6 Siapakah yang mengisytiharkan darurat? BUKU TEKS 148
A Sir Harold Rowdon Briggs
B Sir Edward Gent
C Sir Henry Gurney
D Sir Gerald Templer

7 Mengapakah komunis mencetuskan huru-hara? BUKU TEKS 149
A Memastikan kejayaan British
B Memudahkan proses penjajahan British
C Memastikan kejayaan perjuangan komunis
D Mensabotaj kehidupan penduduk tempatan

### Usaha Menangani Ancaman Komunis

8 Antara berikut, yang manakah merupakan langkah penguatkuasaan undang-undang darurat? BUKU TEKS 152
I Mengenakan hukuman berat kepada sesiapa sahaja yang membantu komunis
II Menggeledah rumah kediaman
III Memberikan bantuan perubatan
IV Menangkap penjajah British
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

LIVEWORKSHEETS